

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023**

CHENGCO PLT
201806002622
(LLP0017004-LCA) & AF0886
AKAUNTAN-AKAUNTAN BERTAULIAH

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

KANDUNGAN

Maklumat Am	1
Laporan Lembaga Koperasi	2 - 3
Laporan Juruaudit Luar	4 - 8
Kunci Kira-Kira	9
Akaun Pembahagian Keuntungan	10
Akaun Untung Rugi	11
Penyata Perubahan Nilai Aset Bersih	12
Penyata Aliran Tunai	13
Nota-Nota Kepada Penyata-Penyata Kewangan	14 - 18

MUKA SURAT

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT AM

YANG DIPERTUA	: Cik Hajah Norhayati Binti Ab. Wahab Pengarah Pendidikan WP Kuala Lumpur
PENGERUSI	: Dato' Paduka Dr.Hjh Mumtaz Begum Abdul Jaffar
SETIAUSAHA KEHORMAT	: Dr. Arujunan Narayanan
BENDAHARI KEHORMAT	: Encik Ng Poh Keong
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	: Encik Suppiah A/L S. Muniandy Encik Shaharudin Jaffar Puan Shamimi Selvarani Binti Abdullah Encik Lee Sheng Chow Encik Kuldip Singh Encik Johari bin Maina Encik Kao Git Kaur Encik Loke Yik Siang Encik Azlan Johar
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	: Cik Anita Binti Ali Encik Zulkifli B. Mohd Yatim
JURUAUDIT LUAR	: Chengco PLT 201806002622 (LLP0017004-LCA) & AF0886 No. 8-2, 10-1 & 10-2, Jalan 2/114 Kuchai Business Centre Off Jalan Klang Lama 58200 Kuala Lumpur
BANK-BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN	: CIMB Bank Berhad
PEJABAT BERDAFTAR	: Lobby, Olympic Council Malaysia Indoor Sports Complex 50150, Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023

Para Lembaga dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2023.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan dibawahnya, kami bagi pihak para Lembaga melaporkan bahawa:-

- (a) Penghasilan dari kegiatan Koperasi bagi tahun berakhir 31 Julai 2023 tidak melibatkan apa-apa perkara yang luarbiasa.
- (b) Dividen 5% untuk modal yuran dan 10% untuk modal syer telah dicadangkan untuk tahun semasa.
- (c) Tidak timbul sebarang keadaan yang boleh menjadikan cara menilai harta dan tanggungan Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Tiada tanggungan luar jangka ditanggung oleh Koperasi kepada penyata kewangan tahun berakhir 31 Julai 2023.
- (e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah harta semasa yang ditunjukkan di Lembaran Imbangan adalah munasabah.
- (f) Pada pendapat lembaga, tiada tanggungan luar jangka atau tiada tanggungan yang akan dikuatkuasakan dalam jangkamasa dua belas bulan mulai 31 Julai 2023 yang akan atau boleh menjelaskan keupayaan Koperasi bagi memenuhi tanggungan apabila tiba waktunya.

Pada pendapat anggota Lembaga Koperasi:-

- (a) Keputusan operasi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2023 tidak terjejas secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya dan juga tiada timbul urusan penting atau perkara-perkara luar biasa dalam tempoh masa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, dan
- (b) Akaun yang dikemukakan pada muka surat 9 hingga 18 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan hal ehwal Koperasi pada 31 Julai 2023 dan penghasilan serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh yang sama.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN LEMBAGA KOPERASI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023 (SAMBUNGAN)**

Kami bagi pihak para Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut diatas, tiada perkara-perkara lain pada pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3), Akta Koperasi 1993.

.....

DATO' PADUKA DR.HJH MUMTAZ BEGUM ABDUL JAFFAR
Pengerusi

.....

DR. ARUJUNAN NARAYANAN
Setiausaha Kehormat

.....

ENCIK NG POH KEONG
Bendahari Kehormat

Kuala Lumpur
Tarikh: **03 AUG 2024**

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPAT

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Atlet Malaysia Berhad (KAMB) yang merangkumi kunci kira-kira pada 31 Julai 2023 serta akaun untung rugi, penyata perubahan nilai aset bersih dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 18.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian - piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada 31 Julai 2023 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

ASAS BAGI PENDAPAT

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawai pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen “ Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan”. Kami percaya bahawa bukti audit kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

TANGGUNGJAWAB KEBEBASAN DAN LAIN-LAIN TANGGUNGJAWAB ETIKA

Kami bebas daripada Kesatuan selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Professional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-Udang Kecil”) dan Lembaga Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional Antarabangsa (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa) (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Apabila kami membaca laporan berkanun lembaga, sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023 (SAMBUNGAN)

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA TADBIR KOPERASI TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Jawatankuasa tadbir KAMB adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia. Jawatankuasa tadbir KAMB juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan yang saksama penyata kewangan, yang bebas dari kesilapan yang material, sama ada disebabkan kesilapan atau pecah amanah.

Dalam menyediakan penyata kewangan Koperasi, Jawatankuasa tadbir KAMB adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan melainkan jika para Jawatankuasa tadbir KAMB berhasrat untuk membubarkan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT UNTUK PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023 (SAMBUNGAN)

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT UNTUK PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- (i) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bakti audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- (ii) Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- (iii) Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang dibuat oleh jawatankuasa tadbir KAMB.
- (iv) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian Jawatankuasa tadbir KAMB menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan ketara pada keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki untuk menyatakannya dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh menyebabkan Koperasi untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023 (SAMBUNGAN)

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT UNTUK PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- (v) Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urus niaga asas dan peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Jawantankuasa tadbir KAMB mengenai, antara perkara-perkara lain, skop yang dirancang dan masa untuk audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PENGAWAL SELIAAN YANG LAIN

Menurut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:-

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993;
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh KAMB dalam tahun kewangan ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil KAMB;
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah;

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2023 (SAMBUNGAN)

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli KAMB, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.




CHENGCO PLT

201806002622

(LLP0017004-LCA) & AF0886

Akauntan-Akauntan Bertauliah



NG KEE SIANG

SKM(B)0588

Rakan Kongsi Firma

Kuala Lumpur,
Tarikh: 8 Ogos 2024

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA
PADA 31 JULAI 2023**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
LOJI DAN PERALATAN	3	-	221
ASET SEMASA			
Pelbagai penghutang	4	3,060	3,060
Simpanan tetap dalam institusi kewangan berlesen	5	139,843	178,885
Wang di bank	6	40,138	12,110
		183,041	194,055
Tolak:			
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pembiutang dan tanggungan terakru	7	14,775	21,424
Dividen dicadangkan	8	3,716	3,716
		18,491	25,140
ASET SEMASA BERSIH		164,550	168,915
		164,550	169,136
Terdiri daripada:			
MODAL SYER	9	122,110	122,110
AKAUN UNTUNG RUGI		4,210	8,796
BANTUAN PEMBANGUNAN SKM	10	24,761	24,761
KUMPULAN WANG ANGGOTA-ANGGOTA		151,081	155,667
KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	11	13,469	13,469
		164,550	169,136

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 14 hingga 18 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2023**

	2023 RM	2022 RM
PENDAPATAN	3,786	6,065
Tolak: Perbelanjaan operasi	(8,372)	(8,393)
	<u>(4,586)</u>	<u>(2,328)</u>
BAKI KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGI-BAHAGIKAN	(4,586)	(2,328)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN	<u>8,796</u>	<u>11,124</u>
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN	<u>4,210</u>	<u>8,796</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 14 hingga 18 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2023

	NOTA	2023	2022
	RM	RM	RM

PENDAPATAN

Faedah atas:-

Simpanan tetap	<u>3,786</u>	<u>6,065</u>
	<u>3,786</u>	<u>6,065</u>

Tolak:

PERBELANJAAN

Bayaran audit	1,500	1,500
Bayaran bank	323	13
Caj e-mel dan web	2,000	800
Fi perakaunan	1,500	1,200
Caj cukai jualan dan perkhidmatan	478	-
Perbelanjaan:-		
Pelbagai	2,079	1,000
Perjalanan	271	300
Bayaran sewa	-	3,360
Susutnilai loji and peralatan	221	220
	8,372	8,393
KERUGIAN BERSIH	(4,586)	(2,328)

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 14 hingga 18 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA PERUBAHAN NILAI ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2023**

	NOTA	2023 RM	2022 RM
Nilai aset bersih pada permulaan tahun		155,667	154,935
Perubahan disebabkan oleh penerbitan dan pengembalian modal sepanjang tahun			
Penerbitan modal	9	-	3,060
Perubahan bagi kerugian yang tidak diagihkan			
Kerugian bersih yang boleh diagihkan sepanjang tahun		(4,586)	(2,328)
Nilai aset bersih pada akhir tahun		151,081	155,667

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 14 hingga 18 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2023

	NOTA	2023 RM	2022 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Kerugian bersih bagi tahun semasa		(4,586)	(2,328)
Penyelarasan bagi:			
Susut nilai loji dan peralatan	221	220	
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		(4,365)	(2,108)
Kurangan pelbagai penghutang		-	(3,060)
Kurangan pelbagai pembiayaan dan tanggungan terakru		(6,649)	(40)
Tunai bersih dari aktiviti operasi		<u>(11,014)</u>	<u>(5,208)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Modal yuran diterima		-	3,060
Tunai diserap oleh aktiviti pembiayaan		-	3,060
Pengurangan bersih dalam tunai dan setara tunai		(11,014)	(2,148)
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun		<u>190,995</u>	<u>193,143</u>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun		<u>179,981</u>	<u>190,995</u>
Tunai dan setara tunai merangkumi:-			
Simpanan tetap termasuk pelaburan bagi Kumpulan			
Wang Rizab Statutori	5	139,843	178,885
Wang di bank dan dalam tangan	6	40,138	12,110
		<u>179,981</u>	<u>190,995</u>

Nota-nota yang dikemukakan pada muka surat 14 hingga 18 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini dan perlu dibaca berkaitan dengannya.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didaktarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Koperasi adalah pertanian. Koperasi masih belum menjalankan sebarang aktiviti yang berkaitan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata-penyata kewangan ini disediakan menurut konvensyen kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Penyata-penyata kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya serta Undang-undang kecil Koperasi.

(b) Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lulus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya berdasarkan kadar susutnilai berikut:

	<u>KADAR (%)</u>
Alat-alat pejabat	- 20%
Perabot dan kelengkapan	- 10%
Pengubahsuaian	- 20%

(c) Pengiktirafan Hasil

- (i) Faedah atas pinjaman kepada anggota-anggota diiktiraf dalam akaun untung rugi hanya apabila bil dikeluarkan.
- (ii) Faedah atas simpanan tetap dan simpanan jangka pendek diiktiraf dalam akaun untung rugi secara asas terakru.
- (iii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila dividen dicadang atau diisyihar oleh pelaburan-pelaburan.

(d) Yuran Masuk

Yuran masuk diambil kira dalam akaun untung rugi sebagai pendapatan.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

(Didafarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(e) Pelaburan

Pelaburan adalah dipegang untuk jangka panjang dan dinyatakan pada kos tolak sebarang peruntukan bagi penurunan nilai yang kekal. Pelaburan tersebut akan dikurangkan nilainya apabila para anggota lembaga berpendapat bahawa kemerosotan nilai pelaburan adalah berkekalan.

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan dan peruntukan bagi penurunan kekal nilai pelaburan yang dipegang untuk jangkamasa panjang dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(f) Tunai dan bersamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai meliputi wang di bank dan dalam tangan, simpanan tetap termasuk pelaburan bagi Kumpulan Wang Rizab Statutori.

3. LOJI DAN PERALATAN

	Perabot			Jumlah	
	Alat-alat pejabat RM	Kelengkapan RM	Pengubahsuai RM	2023 RM	2022 RM
KOS					
Pada 1 Ogos dan 31 Julai	900	5,240	200	6,340	6,340

SUSUTNILAI TERKUMPUL

Pada 1 Ogos	720	5,239	160	6,119	5,899
Susutnilai bagi tahun	180	1	40	221	220
Pada 31 Julai	900	5,240	200	6,340	6,119

NILAI BUKU BERSIH

Pada 31 Julai	-	-	-	-	221
---------------	---	---	---	---	-----

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

4. PELBAGAI PENGHUTANG, PERTARUHAN DAN BAYARAN TERDAHULU

	2023 RM	2022 RM
Potongan bulanan anggota-anggota yang akan diterima	<u>3,060</u>	<u>3,060</u>

5. SIMPANAN TETAP DALAM INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

	2023 RM	2022 RM
CIMB Bank Berhad	<u>139,843</u>	<u>178,885</u>

Simpanan tetap memperoleh kadar faedah efektif pada 2.7% setahun.

6. WANG DI BANK

	2023 RM	2022 RM
CIMB Bank Berhad	<u>40,138</u>	<u>12,110</u>

7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN TANGGUNGJUMAN TERAKRU

	2023 RM	2022 RM
Bayaran audit terakru - tahun semasa	1,500	7,500
Bayaran terakru:-		
Fi perakaunan	1,500	3,400
Caj e-mel dan web	2,000	1,600
Pelbagai pemiutang	7,235	6,384
* Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	847	847
** Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	<u>1,693</u>	<u>1,693</u>
	<u>14,775</u>	<u>21,424</u>

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN TANGGUNGAN TERAKRU (SAMBUNGAN)

* Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Ogos dan 31 Julai	<u>847</u>	<u>847</u>

** Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Ogos dan 31 Julai	<u>1,693</u>	<u>1,693</u>

8. DIVIDEN

	2023 RM	2022 RM
Dividen cadangan:-		
- Modal syer 5% (2022: 5%)	<u>-</u>	<u>3,716</u>

9. MODAL SYER

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Ogos	122,110	119,050
Campur: Penerimaan	-	3,060
Baki pada 31 Julai	<u>122,110</u>	<u>122,110</u>

Modal syer akan dikembalikan kepada anggota-anggota Koperasi.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD
(Didasarkan di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

10. BANTUAN PEMBANGUNAN SKM

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Ogos dan 31 Julai	<u>24,761</u>	<u>24,761</u>

11 KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2023 RM	2022 RM
Baki pada 1 Ogos dan 31 Julai	<u>13,469</u>	<u>13,469</u>

12. BILANGAN ANGGOTA-ANGGOTA

	2023	2022
Bilangan anggota pada 1 Ogos	145	139
Campur: Anggota baru	-	6
Bilangan anggota pada 31 Julai	<u>145</u>	<u>145</u>